

**MIJP Ikrar Sokongan Padu Terhadap BN  
Bernama  
7 Sept, 2013**

KLANG, 7 Sept (Bernama) -- Parti politik yang baharu diluluskan penubuhannya, Parti Keadilan India Malaysia (MIJP) berikrar untuk memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Barisan Nasional selain berusaha memenuhi aspirasi kaum India di peringkat akar umbi, kata pengasas dan presiden parti itu Datuk Seri V.Krishna.

Beliau berkata parti itu, yang mempunyai kira-kira 340,000 anggota dan penyokong setakat ini, memiliki banyak objektif menarik seperti memelihara keadilan, kesejahteraan ekonomi, politik dan mempertingkatkan etika moral serta memastikan hak semua rakyat dilindungi.

"Parti ini akan berfungsi sebagai platform undang-undang bagi meneruskan perjuangan masyarakat India, dan kami sedia bekerjasama dengan parti politik kaum India lain, termasuk MIC, untuk melangkah ke hadapan," katanya pada sidang akhbar di sini Sabtu.

Mengulas lanjut, Krishna berkata MIJP, yang mendaftar secara rasmi pada Januari 2010, akan turun padang bagi memperjelas pelbagai inisiatif yang diambil Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mempertingkatkan status sosioekonomi masyarakat India.

Beliau berkata kebanyakan kaum India di peringkat akar umbi jahil tentang pelbagai bantuan yang disediakan kerajaan, terutama skim pinjaman Tekun Nasional.

Ditanya sama ada parti itu akan terus memecahbelahkan masyarakat India yang berjumlah dua juta orang di Malaysia, dengan mengambil kira kewujudan parti politik kaum itu yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan, Krishna yakin MIJP mempunyai identiti sendiri yang perlu dilindungi.

"MIJP tidak mengamalkan politik permusuhan dengan mana-mana parti demi kepentingan masyarakat India," katanya sambil menambah parti itu berhasrat membuka pusat khidmat masyarakat di setiap negeri.

Dalam perkembangan lain, Krishna berkata beliau akan berbincang dengan pihak berkuasa yang berkaitan berhubung cara menangani isu kongsi gelap di sekolah menengah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=976012>